

18/01/2003

Hishammuddin arah Pemuda Umno negeri kerja keras

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein memberi amaran akan merombak kepemimpinan pergerakan Pemuda negeri yang gagal menjalankan tanggungjawab bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau menegaskan semua Ketua Pemuda negeri dan barisan Exco mesti bekerja kuat dan memantapkan lagi strategi bagi menghadapi pilihan raya umum.

"Pemimpin negeri perlu ingat yang mereka mesti menghantar perancangan serta strategi kempen pilihan raya, jika tidak kami akan mencari orang lain yang boleh melaksanakannya.

"Ini kerana tahun ini amat penting dalam memenangi hati dan fikiran rakyat bagi memastikan kemenangan BN," katanya pada sidang akhbar selepas

majlis pelancaran logo Aman Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada barisan Exco Pemuda Kelantan akan dirombak berikutan rombakan besar-besaran Exco Perhubungan Umno negeri itu seperti yang diumumkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Hishammuddin berkata, tindakan yang dibuat Dr Mahathir jelas membawa mesej bahawa tidak semestinya mereka yang memegang jawatan tinggi dalam parti, akan diiktiraf sebagai pemimpin.

Beliau yang menyifatkan perkembangan itu sebagai sesuatu yang wajar, turut mengingatkan pemimpin pergerakan itu supaya melaksanakan tugas yang diamanahkan terutama dalam menambah keahlian ahli serta menggerakkan bilik gerakan menjelang pilihan raya.

Ditanya sama ada akan ada rombakan tertentu membabitkan Pemuda Umno, Hishammuddin berkata: "Ia terpulang kepada saya. Saya akan menentukannya bila tiba masa kerana ia tidak hanya membabitkan Kelantan, tetapi negeri lain. Dalam keadaan kita menghadapi pilihan raya umum, kita akan ketengahkan pemimpin berdasarkan pertimbangan kepentingan pilihan raya."

Menjawab soalan sama ada rombakan itu akan dilakukan dalam masa terdekat, Hishammuddin berkata, pihaknya sedang meneliti perkara itu sebelum diputuskan pada bila-bila masa.

"Saya boleh mengubahnya pada bila-bila masa tetapi kita perlu mendengar apa perancangan mereka bagi memastikan calon kita menang dalam pilihan raya," katanya.

Mengenai prestasi barisan Exco Pemuda Pusat dan negeri, beliau berkata, pihaknya tidak menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan tugas serta program yang dirancang sebelum ini.

"Tapi kita kena sedar, tahun ini adalah tahun siap sedia untuk pilihan raya dan tahun ini adalah tahun luar biasa. Ini bermakna, pertimbangan tahunan tidak menjadi satu kriteria dalam keadaan darurat atau dalam

situasi menghadapi pilihan raya," katanya.